

TERMA DAN SYARAT
PERADUAN SIRI PODCAST “PTPTN CALL KE TU?”

1. **Peraduan Siri Podcast “PTPTN Call Ke Tu?”** mempunyai enam (6) episod bertujuan untuk membantu memberi panduan dan tip pengurusan kewangan agar dapat membuat bayaran balik secara konsisten.
2. Dalam masa yang sama, bagi meningkatkan penglibatan dalam siri podcast ini, PTPTN menawarkan hadiah tunai kepada penerima panggilan daripada PTPTN yang berjaya menjawab soalan dengan betul.

TEMPOH

3. Tempoh peraduan bermula pada **22 Mei 2025 sehingga 24 Julai 2025**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh peraduan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN

5. Peserta mestilah warganegara Malaysia yang berumur 16 tahun sehingga 64 tahun.

CARA PENYERTAAN

6. Peserta perlu mendaftar di portal rasmi PTPTN melalui pautan www.ptptn.gov.my/PodcastPTPTN dengan menyertakan nama, no. telefon dan alamat e-mel.
7. Enam (6) peserta akan dipilih secara rawak pada setiap sesi siaran langsung dan akan menerima panggilan daripada PTPTN.
8. Peserta yang menerima panggilan daripada PTPTN perlu menjawab panggilan tersebut dengan menyebut “PTPTN! Helo” dan menjawab satu (1) soalan daripada hos dengan tepat.
9. Peserta yang menjawab soalan dengan betul akan memenangi hadiah tunai dan sekiranya gagal menjawab panggilan atau tidak melaksanakan Perkara 8, nilai hadiah tersebut akan digandakan dan dibawa ke penerima panggilan seterusnya. Nilai hadiah ini akan dibawa sehingga ada peserta yang menjawab dengan betul, sama ada dalam episod yang sama atau episod berikutnya.
10. Selepas hadiah dimenangi, nilai hadiah akan kembali semula kepada RM150.00 untuk penerima panggilan seterusnya.

HADIAH DAN TUNTUTAN HADIAH

11. Peserta yang layak berpeluang memenangi hadiah tunai keseluruhan bernilai RM5,400.00 dengan tawaran hadiah seperti berikut:

Episod	Bilangan Panggilan*	Hadiah**	Jumlah Keseluruhan (RM)
1	6	150.00	900.00
2	6	150.00	900.00
3	6	150.00	900.00
4	6	150.00	900.00
5	6	150.00	900.00
6	6	150.00	900.00
	36		5,400.00

*Bilangan pemenang adalah berdasarkan penerima panggilan yang menjawab soalan dengan betul

**Nilai hadiah akan digandakan setiap RM150 jika penerima panggilan tidak menjawab dengan betul

12. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
13. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
14. **Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi atau telah menyelesaikan keseluruhan pinjaman,** lebihan daripada hadiah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun **Simpan SSPN Prime** pemenang yang dibuka untuk diri sendiri. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara **pre-opening**.
15. Sekiranya pemenang adalah bukan peminjam atau Jadual Bayaran Balik (JBB) pemenang belum dijana, hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun **Simpan SSPN Prime** pemenang yang dibuka untuk diri sendiri. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara **pre-opening**.
16. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dilaras masuk ke dalam akaun Simpan SSPN Prime adalah **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan pelepasan taksiran cukai pendapatan.
17. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
18. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam peraduan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan

atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.

19. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
20. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
21. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
22. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
23. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
24. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

25. Penyertaan di dalam peraduan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
26. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam peraduan ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan peraduan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
27. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
28. Peserta adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.
29. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan

Peraduan Siri Podcast “PTPTN Call Ke Tu?”

kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.

30. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
31. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung peraduan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
32. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat peraduan ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan peraduan ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai peraduan yang tidak dinyatakan dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
33. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
34. Segala surat-menjurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Peraduan Siri Podcast “PTPTN Call Ke Tu?”*

Maklumat dikemas kini pada 21 Mei 2025